**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : *http://jpnperak.moe.gov.my*

**1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN**

Rujukan Kami: J.Pel.Pk. (HEM) 5128/9/1 Jld 4 (23)
Tarikh : 4 Januari 2018

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah,**
**Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak,**

Tuan,

**SURAT SIARAN DAN GARIS PANDUAN MENGENAI PELAKSANAAN BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN (BAP) TAHUN 2018 KEPADA MURID SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN**

Dengan segala homatnya saya merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), **KPM.800-4/1/5 Jld.11 (29) bertarikh 2 Januari 2018**.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bantuan Awal Persekolahan (BAP) yang dikenali sebagai Bantuan Awal Persekolahan (BKAP1M) pada tahun 2017 akan diteruskan pelaksanaan pada tahun 2018. Pemberian bantuan ini bertujuan meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa/penjaga murid.

3. Sehubungan dengan itu, bagi tahun 2018 pelaksanaan BAP akan diteruskan berdasarkan **Surat Siaran Mengenai Pelaksanaan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) Tahun 2018 Bagi Sekolah Kerajaan (SK) Dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK), KPM.800-4/1/5 Jld 11(29) bertarikh 2 Januari 2018** dan dirujuk bersama **Garis Panduan Bantuan Awal Persekolahan 2018 Kepada Murid Di Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan. Bersama-sama ini dilampirkan surat siaran dan garis panduan untuk rujukan tuan.**

4. Pihak tuan dimohon melaksanakan bayaran BAP berdasarkan **Senarai Semak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) seperti di (Lampiran A2). Sekiranya peruntukan sekolah tidak mencukupi, tuan perlu membuat permohonan tambahan selewat-lewatnya pada 10 Mac 2018 dengan menggunakan borang seperti di (Lampiran B1a).**

5. Sehubungan dengan itu, tuan dimohon untuk memaklumkan dan memantau sekolah-sekolah di daerah tuan, supaya mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Penyelia Kebajikan Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Cik Ruziah Binti Ab Majid di talian 05-5015142/ 017-8842306.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN,PPT. )**
Ketua Sektor,
Sektor Pembangunan Kemanusiaan,
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

*SPK/Hem/ruzz/bb*

PerakEXcellent

*Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung*

Scanned by CamScanner